

CNS1625

R GB 16-01 0017'7 BA105

bah

MAHATHIR: TAMBANG HAJI AKAN DINAIKKAN JIKA PATUT

Mahathir - Haji

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan menaikkan tambang haji sekiranya adasebab yang iapatut dinaikkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau percaya tambang haji mungkin dinaikkan memandangkan beberapa faktor di luar kuasa lterajaan untuk mengawalnya seperti harga minyak dan sewa kapal terbang yang telah naik.

+Saya percaya lamakelamaan tambang (haji) mesti naik. Di negara kita ini, kita seolah-olah ingin kekal dengan harga lama,+ katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota jawatankuasa Koperasi Pekan Rabu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perkembangan terbaru mengenai perkara itu. Dua hari lepas Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengumumkan bahawa perbelanjaan menunaikan haji dinaikkan sebanyak \$500 seorang mulai musim haji tahun ini.

Bagaimanapun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha semalam berkata tindakan Tabung Haji itu terlalu awal kerana perkara itu dicadangkan untuk dibincangkan dalam kabinet. -- Lagi.

▼16/01/12-03MST

CNS1630

R GB 16-01 00153 BA106

bah

Mahathir - Haji 2 Alor Setar

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekiranya rakyat mahu harga tambang lama dikekalkan, usaha kerajaan mencari sumber pendapatan baru akan menjadi sukar sedikit.

+Kita tidak boleh mengharapkan semuanya kekal pada hargalama. Barang-barang yang kita import sekarang ini harganya lebih tinggi tetapi kita masih beli juga.+

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyatakan bahawa cadangan kenaikan tambang haji itu belum diputuskan oleh Kabinet kerana ia belum sampai kepadanya. Kabinet akan membincangkannya apabila dibawa kepadanya kelak.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan membenarkan syarikat lain memasuki pasaran tenaga elektrik supaya wujud persaingan yang memberi faedah kepada rakyat dan menyebabkan harga perkhidmatan itu menjadi lebih rendah dan perkhidmatan yang diberi lebih baik.

Katanya, "kerajaan sebelum ini membenarkan monopoli kerana bekalan elektrik dikendalikan oleh kerajaan tetapi setelah ia diswastakan, monopoli akan merugikan rakyat. -- Lagi.

▼16/01/12-09MST

CNS1632

R GB 16-01 00271 BA107

bah

Mahathir - Haji 3 Alor Setar

+Kalau milik swasta, kita bagi monopoli dan dia memberi bekalan yang tidak baik atau mengenakan bayaran yang terlalu tinggi, maka ini akan merugikan kita.

+Tetapi kalau ada dua syarikat mungkin dia bersaing sesama sendiri dan dengan itu inungkin bayaran menjadi lebih rendah,+ katanya.

Bagaimanapun, kerajaan belum menetapkan bilangan syarikat yang akan dibenarkan, menjalankan perniagaan itu kerana perkara itu masih merupakan +satu idea+ dan cadangan sahaja.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira sejam dengan anggota jawatankuasa Koperasi Pekan Rabu setibanya dari Kuala Lumpur bersama-sama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali untuk lawatan dua hari ke negeri ini.

Beliau berkata, dalam perjumpaan itu, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan bersedia mengeluarkan perbelanjaan untuk memperbaiki keadaan di kompleks perniagaan Pekan Rabu di sini sekiranya para peniaga di situ bersedia memberi pengakuan secara bertulis akan mengikut cara-cara yang akan ditetapkan oleh kerajaan bagi memperbaiki Pekan Rabu. -- Lagi.

♥16/01/12-11MST

CNS1646

R GB 16-01 0016'7 DA109

bah

Mahathir - Haji 4 (Akhir) Alor Setar

Katanya, Yang Dipertua Koperasi Pekan Rabu telah memberi pengakuan akan mengadakan mesyuarat di kalangan para peniaga di situ bagi mendapatkan pengakuan bertulis itu.

Beliau berkata, kerajaan sanggup memberi latihan dan mengeluarkan belanja berjuta-juta ringgit bagi memindahkan Pekan Rabu dan membolehkan ia dibuka hingg malam tetapi. semuanya tidak berguna sekiranya Pekan Rabu menjadi buruk semula.

'Katanya, keadaan di Pekan Rabu sekarang begitu sesak dengan barang-barang sehingga keadaan di dalamnya +gelap+ dan sampah-sarap tidak dibuang menyebabkan ia tidak menarik minat pelanggan.

Beliau mahu keadaan itu diperbaiki, sekalipun tidak seindah kompleks perniagaan seperti di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya lebih baik daripada sekarang .

Katanya, Pekan Rabu, yang terletak di kawasan yang strategik daripada segi perniagaan, tidak digunakan dengan sepenuhnya oleh para peniaga menyebabkan ia tidak menarik pelanggan dan perniagaan mereka tidak begitu menguntungkan.

Beliau percaya sekiranya kerajaan menjual tempat itu kepada bukan Bumiputera sudah tentu ramai yang akan membelinya. -- Bernama.